

Kekuatan Dinar Emas

SEBAGAI SIMPANAN

Dinar emas ialah syiling emas bersejarah yang mempunyai kepentingan besar dari segi ekonomi, sejarah dan budaya dalam tamadun Islam.

Kepentingan dinar emas terletak pada penggunaannya sebagai mata wang dalam ekonomi Islam awal. Dinar emas pertama kali diperkenalkan semasa pemerintahan Khalifah Abd al-Malik ibn Marwan (685–705M) semasa pemerintahan Khilafah Umayyah. Hal ini berasaskan kepada syiling Byzantine, namun diubah untuk mencerminkan nilai Islam dan inskripsi Arab. Syiling ini menjadi mata wang standard di seluruh dunia Islam selama berabad-abad, berfungsi sebagai alat pertukaran, menyimpan nilai dan unit kiraan.

Dinar emas diperluaskan lagi pada zaman Khulafa al-Rasyidin yang tersebar dari Afrika Utara, Andalusia hinggalah ke Bukhara, Delhi dan seterusnya ke Asia Tenggara. Pada zaman awal Islam, semenanjung tanah Arab tidak mempunyai mata wang sendiri dan menggunakan wang emas dan perak sebagai pertukaran. Mata wang dinar dan dirham digunakan untuk kegiatan muamalah atau pembayaran zakat dan diyat. Kini, emas juga menjadi pilihan utama sebagai simpanan pelaburan jangka panjang. Penggunaan dinar emas sebagai elemen simpanan

adalah lebih stabil berbanding dengan wang kertas yang dapat melindungi kekayaan individu.

Dinar Emas sebagai Simpanan dan Pelaburan

Dinar dan dirham ialah mata wang Islam sebenar yang berupaya melindungi kekayaan seseorang pelabur atau pemilik aset tersebut. Dinar emas boleh digunakan sebagai bayaran mas kahwin, pembayaran zakat, malah dijadikan sebagai hadiah atau pertukaran aktiviti jual beli.

Berdasarkan laporan harga emas setakat 31 Disember 2024, penurunan emas kepada RM377.13 per gram, iaitu penurunan sebabnya, RM-1.20 berbanding dengan semalam RM388.33. Indeks emas semasa ialah RM14,253 per teal tahun, iaitu sebanyak -45 peratus berbanding dengan semalam RM14,298 per teal.

Nilai Emas Stabil?

Pada hakikatnya, emas merupakan aset yang mampu bertahan lama di pasaran global. Hal ini merupakan kelebihan utama simpanan emas di Malaysia kerana walaupun harga emas yang turun dan naik, namun emas masih berfungsi sebagai aset

yang stabil dan mempunyai nilai yang tinggi. Jelas dilihat ramai pelabur lebih berminat kepada aset yang lebih selamat dan kadar risiko yang rendah. Seseorang yang memiliki emas, akan sentiasa berubah nilai kekayaannya.

Sesuaiakah Pelaburan Emas dalam Jangka Panjang?

Simpanan emas sebagai aset pelaburan adalah sangat baik berbanding dengan pelaburan biasa yang tidak berasaskan emas. Pelaburan dinar emas dapat memberikan jaminan yang lebih selamat. Antaranya, termasuklah tiada risiko kredit dan jaminan nilai yang selamat, bahkan mempunyai nilai kecairan aset yang sangat baik berbanding dengan alternatif lain.

Sehubungan dengan itu, emas menjadi satu daripada pelindung ketika berhadapan dengan inflasi atau kejatuhan nilai wang. Hal ini bermakna bahawa nilai wang turun atau inflasi yang meningkat, emas cenderung untuk meningkat. Emas mampu memberikan kestabilan dan keamanan kepada pelabur dalam jangka panjang.

Penggunaan Dinar Emas ketika Kecemasan

Emas sesuai dijadikan sebagai alternatif simpanan dan sangat berguna apabila berhadapan dengan kecemasan atau kesempitan pada masa hadapan. Apabila berada di situasi kecemasan, kita memerlukan wang

dengan segera, simpanan dinar emas boleh dijual atau dipajak di mana-mana ejen kedai atau sebagai contoh, Ar-Rahnu ketika berada dalam situasi terdesak. Berikutan emas adalah sangat mudah dijual dan diperdagangkan di seluruh dunia. Hal ini menyebabkan emas merupakan aset yang memiliki kecairan yang tinggi yang dapat ditukar dengan cepat.

Apakah Jenis Dinar Emas yang Boleh Digunakan?

Dinar mempunyai dua jenis, iaitu 24 karat dan 22 karat. 24 karat adalah bersamaan dengan mutu emas 999, manakala dinar 22 karat adalah bersamaan dengan mutu emas 916. Yang menariknya, walaupun mempunyai perbezaan dari segi mutu emas, namun satu dinar emas tetap mempunyai berat yang sama, iaitu 4.25 gram. Walau bagaimanapun, jika anda membeli atau melabur pada dinar yang bermutu emas 999 atau 24 karat, kebiasaannya sedikit mahal berbanding dengan dinar emas bermutu 916 atau 22 karat. Hal ini demikian kerana, dinar 999 mempunyai ketulenan logam emas sebanyak 99.99 peratus.

Platform Pelaburan Emas Fizikal atau Pelaburan Emas Digital

Pelaburan emas boleh dibahagikan kepada dua kategori utama, iaitu pelaburan emas fizikal dan pelaburan emas digital. Pelaburan emas secara fizikal membolehkan untuk menjual beli emas secara fizikal dan boleh dilakukan pada bila-bila masa

mengikut keperluan individu yang melabur. Syarikat yang menawarkan produk emas fizikal pada masa ini bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan. Antaranya, termasuklah Kedai Emas Merchant9, Kedai Emas Amaleena, Kedai Emas Mine Jewellery dan banyak lagi.

Seterusnya, pelaburan emas secara digital pula merupakan alternatif yang lebih moden dan mudah diuruskan berbanding dengan fizikal. Hal ini bermaksud, individu boleh membuka akaun simpanan emas dengan membuat deposit apabila harga emas rendah dan membuat pengeluaran wang apabila harga semasa emas meningkat. Antara syarikat yang menyediakan produk emas digital, termasuklah Public Gold, KAB Gold, Makmur Gold dan banyak lagi.

Suara PM Bukti Dinar Emas Mampu Mengukuhkan Ekonomi Negara.

Perdana Menteri Malaysia ke-10, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim mengatakan bahawa penggunaan dinar emas tidak merugikan, malah dapat memperkukuh kekuatan dalam domestik ekonomi Malaysia.

Dalam satu sidang media yang berlangsung pada Oktober 2023 lalu yang merakam perbicaraan perdana menteri menyatakan bahawa kerajaan akan merujuk semula cadangan menggunakan dinar emas sebagai mata wang perdagangan antarabangsa bagi mengurangkan kebergantungan Ringgit Malaysia (RM) kepada Dolar Amerika Syarikat (USD). Beliau berkata, penggunaan



Simpanan emas sebagai aset pelaburan.

dinar antara cadangan yang baik untuk memberikan alternatif yang positif kepada negara.

Penggunaan dinar emas ini tidak merugikan negara, malah turut memperkukuh kekuatan ekonomi negara masing-masing. Penggunaan dinar emas kian rancak khususnya dalam kalangan negara Islam. Jelas diperhatikan bahawa penggunaan dinar emas dalam kalangan negara Islam menunjukkan maklum balas positif, iaitu sebanyak lima hingga enam peratus mempamerkan kekuatan dan pengurangan pergantungan pada dolar. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa dinar emas memberikan alternatif yang baik kerana dapat mengukuhkan kuasa ekonomi domestik sesebuah negara Islam.

Penggunaan dinar emas jelas menjadi satu daripada kaedah simpanan dan pelaburan jangka panjang yang wajar dimulakan dari sekarang. Namun begitu, pesanan kepada masyarakat yang ingin menjadi pemula dalam menggunakan simpanan dinar emas dalam pelaburan hendaklah mendalami ilmu simpanan dan pelaburan emas terlebih dahulu. Hal ini dikatakan demikian kerana untuk memastikan individu terbabit tidak terpedaya dengan pelbagai penipuan siber atau skim cepat kaya yang menggunakan "emas" sebagai helah penipuan yang kian rancak berlaku. ●

Siti Nurhidayah Mohd. Nawi dan Dr. Nuradli Ridzwan Shah Mohd. Dali, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia.



Penggunaan dinar emas merupakan alternatif yang baik dalam usaha mengukuhkan kuasa ekonomi domestik sesebuah negara Islam.